

Cabaran Mini Xplorace meriahkan Pesta Konvo USIM 2014

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Cabaran Mini Xplorace sempena sambutan Pesta Konvo USIM Ke-12 yang berlangsung empat hari bermula hari ini.

Acara tersebut bakal diadakan pada hari terakhir Pesta Konvo iaitu pada pukul 3 petang Ahad ini bertempat di tapak Pesta Konvo universiti itu di Nilai, Negeri Sembilan.

Penganjuran pada hujung minggu itu akan memberi peluang kepada penyertaan orang ramai selain sesuai disertai bersama ahli keluarga atau sahabat-handai dan terbuka kepada semua pengunjung tanpa mengira umur dan jantina.

Setiap pasukan perlu mempunyai maksimum lima ahli dan setiap pasukan akan dikenakan bayaran yuran penyertaan sebanyak RM20. Pendaftaran akan diadakan di tapak Pesta Konvo pada hari pertandingan. Bagi 40 pasukan terawal yang mendaftar bakal menerima hadiah eksklusif daripada Utusan Melayu (M) Berhad.

Cabaran ini memerlukan peserta melengkapkan kesemua tugas di 10 *check-point* yang telah disediakan dan kumpulan yang terpantas berjaya menamatkan kesemua cabaran akan bergelar juara.

Setiap *check-point* akan dikendalikan oleh urus setia yang akan sentiasa memastikan peserta melepasi setiap tugas mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Pelbagai hadiah menarik disediakan, antaranya juara akan membawa pulang wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan, tempat kedua RM600 dan sijil penyertaan, tempat ketiga RM400 dan sijil penyertaan serta tempat keempat memenangi RM200 dan sijil penyertaan. Penyertaan turut disediakan untuk peserta.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi urus setia yang terlibat di talian 017-3727420 atau 013-3052811.